

18/07/2004

Begitulah nasib Pinto

By Suzan Ahmad

SAYANG seribu kali sayang! Belum sempat duduk setaraf dengan dunia glamor haiwan yang pernah muncul dalam filem box office Hollywood, ia lebih dulu pergi meninggalkan dunia ini.

Demikian nasib kuda bernama Pinto yang ditampilkan khusus dalam filem epik legenda Puteri Gunung Ledang (PGL). Pinto mati secara mengejut baru-baru ini selepas persembahan cemerlangnya dalam filem berbajet besar itu.

Haiwan yang istimewa dan cukup disenangi semua orang ini bukanlah sebarang kerana rupa-rupanya ia milik bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perhatian anda sudah dicuri?

Bagaimanapun ia tidak mengurangkan hakikat yang Pinto memang bertaraf lima bintang. Pinto memainkan peranan penting dalam PGL dan banyak membantu pendukung utama filem ini Tiara Jacquelina melenyapkan rasa takutnya ketika beraksi di atas kuda.

Salah satu babak dalam filem ini memerlukan Tiara, yang membawa watak Puteri Jawa, untuk menunggang Pinto dengan pantas beriringan kekasih hatinya, Hang Tuah (lakonan M Nasir).

"Dulu selalu juga saya menunggang dan cukup selesa dengan kuda. Tapi satu hari ketika sedang menunggang dengan suami (Datuk Effendi Norwawi), tiba-tiba dia dihumban ke tanah dan cedera teruk. Sejak itu, saya takut untuk menunggang lagi," jelas Tiara.

Demi PGL, bagaimanapun, aktres itu tidak boleh tidak perlu menghadapi ketakutannya dan menunggang seperti seorang yang mahir.

"Pinto membantu mengembalikan keyakinan saya dengan perwatakan semula jadinya yang lembut dan tenang. Saya mempercayainya dengan sepenuh hati kerana yakin ia tidak akan bertindak ganas," katanya.

Pinto adalah spesis Polo Pony dari Argentina dan PGL ialah pembabitan pertamanya dalam filem.

"Saya kagum kerana kuda ini tidak meragam biarpun bekerja kuat. Bayangkan Pinto digunakan seharian dalam panas terik semata-mata untuk mendapatkan shot terbaik dalam babak menunggang itu," kata Tiara.

Begitupun ia memang berbaloi dan hakikatnya Pinto sendiri seronok dengan nama dan kemasyhuran yang bersifat sementara itu. Nyata pelakon dan krew tidak terkecuali mengagumi Pinto. Dia bertuah kerana menerima layanan istimewa daripada mereka dan didakwa sebagai bakat yang paling berpekerti di set.

Mengikut cerita krew lain, kalau tidak berlakon, kegemaran Pinto ialah makan - tak ubah macam tabiat orang Malaysia - dan makanan kegemarannya ialah lobak merak. Malangnya, dia pergi buat selama-lamanya. Penampilan watak cameo Pinto dalam PGL menjadikan ia sebagai yang pertama dan terakhir di layar perak.

Mungkin kerana cuaca yang panas atau mungkin dia sudah terlalu tua. Tiada siapa tahu sebabnya. Tapi apapun, ketika hayatnya Pinto nampak gembira bekerja disamping bintang ternama tanah air seperti Tiara dan M Nasir.

Pinto terus dalam kenangan dan untuk itu jangan lepaskan peluang menyaksikan aksi tangkas dan sakti Pinto dalam PGL yang bakal berada di pawagam Ogos depan.

(END)